

20 FEB 1997

Ting-Pokok

KEMPEN TANAM POKOK SERENTAK DI SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Kawasan perumahan akan diberikan tumpuan dalam kempen menanam pokok yang akan dilancarkan serentak di seluruh negara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mac ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata kawasan kediaman diberi tumpuan bagi menggalakkan orang ramai menanam pokok.

"Majlis pelancaran ini merupakan detik permulaan dalam usaha melibatkan semua pihak dalam kegiatan menanam pokok untuk merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara taman," katanya pada persidangan berita di pejabatnya hari ini.

Pada pelancaran itu yang akan diadakan di Taman Rekreasi Medan Idaman, Jalan Ibu Kota Kanan, Gombak, Perdana Menteri akan berucap mengenai dasar dan hasrat kerajaan berhubung beberapa isu berkaitan dengan penghijauan negara.

Dr Mahathir juga akan menyampaikan sijil dan benih pokok kepada wakil-wakil negeri sebagai simbol dan komitmen daripada kerajaan, katanya.

Ting berkata kempen anjuran bersama kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur itu akan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat kebangsaan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Acara kemuncak majlis itu ialah penanaman 33 batang pokok dengan didahului oleh Dr Mahathir sendiri diikuti pemimpin-pemimpin kerajaan, badan profesional dan badan bukan kerajaan (NGO).

Di peringkat negeri kempen serupa akan diketuai oleh menteri besar dan ketua menteri masing-masing manakala di pihak berkuasa tempatan oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua Majlis, katanya.

Ting berkata semua agensi kerajaan, swasta, NGO, kilang, sekolah, taman perumahan dan orang awam di seluruh negara digalakkan melaksanakan aktiviti menanam pokok di tempat masing-masing.

Aktiviti itu boleh dilaksanakan di kawasan lapang, taman awam, tanah kerajaan sepanjang jalan raya, tebing-tebing sungai, pantai, kawasan kilang dan perumahan.

Beliau menjangkakan sebanyak 5,000 pokok akan ditanam serentak pada hari pelancaran itu dan rancangan jangka panjang bagi kempen itu ialah menanam tiga juta pokok menjelang tahun 2000 dan 20 juta pokok pada tahun 2020.

Jangkaan jumlah pokok itu adalah berdasarkan 15 peratus daripada penduduk negara ini yang mengambil bahagian dalam kempen itu, katanya.

Beliau berkata mereka yang ingin mengetahui jenis pokok yang sesuai ditanam di kawasan mereka, boleh menghubungi Jabatan Lanskap Negara dan Institut Penyelidikan Perhutanan Negara.

Antara pokok yang disyorkan ialah sentang (*Azadirichta Excelsa*), merawan siput jantan (*Hopea Odarata*), janda merana (*Salix Babylonica*), simpuh (*Dellinia Indica*), kelumpang (*Sterculia Foetida*), jambu laut (*Eugenia Grandis*), tecoma (*Tabebuia Pentaphylla*), kayu manis (*Canniamomum Iners*), kasai (*Pometia Pinnata*) dan pulai (*Alstonia Augustiloba*).

Terdahulu, Ting dan timbalannya, Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Peter Chin Fah Kui bersama kakitangan kementerian menghadiri jamuan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri di kementerian berkenaan. -- BERNAMA

NZ YBK AKD